MALAYSIAN JOURNAL OF LEARNING AND INSTRUCTION
http://e-journal.uum.edu.my/index.php/mjli

How to cite this article:
Awang, M. M., Khairuddin, K. F., Ahmad, A. R., Ghani, S. A., & Mamat, R. M. S. R. (2022). Ketidakhadiran ke sekolah: Faktor penyebab, aktiviti ketika ponteng dan aspirasi budaya belajar pelajar Orang Asli. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *19*(1), 227-308. https://doi.org/10.32890/mjli2022.19.1.10

KETIDAKHADIRAN KE SEKOLAH: FAKTOR PENYEBAB, AKTIVITI KETIKA PONTENG DAN ASPIRASI BUDAYA BELAJAR PELAJAR ORANG ASLI

(School Absenteeism: Contributing Factors, Activities during Truancy and Learning Culture Aspiration among Native Pupils)

[1]Mohd Mahzan Awang, [2]Khairul Farhah Khairuddin,
[3]Abdul Razaq Ahmad, [4]Sayuti Ab Ghani,
[5]Jamalul Lail Abdul Wahab &
[6]Raja Mohd Salahuddin Raja Mamat
[1,2,3&5] Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia
[4]Universiti Pertahanan Nasional, Malaysia
[6]SMK Dato' Shahardin, Labu, Negeri Sembilan, Malaysia

[1]Corresponding author: mahzan@ukm.edu.my

Received: 7/5/2020 Revised: 4/7/2021 Accepted: 26/7/2021 Published: 31/1/2022

ABSTRAK

Tujuan– Salah satu masalah utama dalam pendidikan Orang Asli di seluruh negara adalah masalah ketidakhadiran ke sekolah. Justeru, kajian ini meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada

ketidakhadiran pelajar Orang Asli ke sekolah. Adalah diandaikan bahawa kehidupan Orang Asli di luar sekolah lebih menarik minat mereka. Maka penerokaan terhadap aktiviti yang mereka lakukan ketika ponteng dilakukan. Kajian juga meneroka budaya pembelajaran yang menjadi aspirasi pelajar Orang Asli.

Metodologi– Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes menggunakan protokol temu bual ke atas pelajar Orang Asli yang kerap ponteng (n=5), ibu bapa (n=3) yang anaknya kerap ponteng sekolah, dan seorang pemimpin komuniti (Tok Batin) dari etnik Semelai di Negeri Sembilan. pelajar Analisis data menggunakan pendekatan bertema dan pengiraan terhadap peratus persetujuan Nilai Cohen Kappa menunjukkan pada tahap tinggi.

Dapatan–Empat tema punca ponteng sekolah adalah sikap pelajar, pengaruh rakan sebaya, tarikan ekologi sosial, dan sikap ambil mudah ibu bapa. Enam aktiviti utama yang dilakukan ketika ponteng sekolah adalah memungut hasil hutan, memburu, membantu keluarga, tangkap ikan, bercucuk tanam dan bersosial. Hasil kajian mendapati bahawa budaya belajar yang menjadi aspirasi pelajar Orang Asli adalah pembelajaran yang bersifat praktikal dan relevan dengan cara hidup mereka.

Kepentingan– Kajian ini mengadaptasi Teori Faktor Tolak-tarik berkaitan faktor penolakan *(pushing factors)* dan faktor penarik *(pulling factors)* yang amat signifikan kepada pihak sekolah untuk merekabentuk strategi menggalakkan pelajar Orang Asli hadir ke sekolah berdasarkan faktor ponteng serta aspirasi budaya pembelajaran. Hasil kajian ini bermanfaat untuk pemegang taruh pendidikan Orang Asli untuk membina satu ekosistem pembelajaran yang bersifat praktikal dan relevan dengan kehidupan Orang Asli.

Kata kunci: Pelajar Orang Asli, ketidakhadiran sekolah, ponteng, aspirasi budaya belajar, Semelai.

ABSTRACT

***Purpose** – One of the major problems in Native education throughout the country is the lack of school attendance. Therefore, this study*

explores contributing factors absenteeism among Native pupils. It is assumed that outside life is more interested compared to the school life. So, this study explores their activities during truancy. The study also explores the learning culture aspiration of Native Pupils.

***Methodology** – This study utilised a case study research design using interview protocols involving native pupils who play truancy (n = 5), native parents (n = 3) whose their children often skip schools, and a community leader (Tok Batin) from Semelai ethnic group in Negeri Sembilan. Data analysis using a thematic approach and the calculation of Cohen Kappa Value agreement percentage was at a higher level.*

***Findings** – The four main reasons for school absenteeism are student attitudes, peer pressure, social ecology, and parental attitudes. The six main activities that take place during school truancy are collecting forestry, hunting, helping families, catching fish, planting and socializing. Practical learning culture that is relevant to their life is an aspiration for Native pupils.*

***Significance** – This study adapted Lee's (1966) model regarding the pulling factors and pushing factors which were very important for schools to design strategies that encourage Indigenous students to attend school based on their learning factors and cultural aspirations. The results of this study are useful for Indigenous education holders to build a learning ecosystem that is practical and relevant to Native life.*

Keywords: *Indigenous students, school absenteeism, truancy, learning culture aspiration, Semelai.*

LATAR BELAKANG

Orang Asli merupakan komuniti yang dilihat sebagai komuniti terpinggir ekoran daripada isu-isu sosio-ekonomi dan pendidikan bagi kelompok ini. Majoriti daripada komuniti ini memilih untuk meneruskan kehidupan tradisional, mendiami kampung dan mengamalkan adat resam mereka yang telah menjadikan kehidupan mereka terasing daripada masyarakat kota. Antara faktor yang

menyebabkan mereka terasing adalah lokasi geografi, pandangan negatif masyarakat sekitar, kadar literasi yang rendah, serta sikap tertutup masyarakat Orang Asli sehingga akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan kerap menjadi isu (Paiz & Mohd Anuar, 2020). Kedudukan geografi perkampungan mereka di pedalaman telah menjadikan pandang jagat (*worldview*) masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan pendidikan tidak holistik. Keadaan ini menjadi penyebab kepada penyertaan dalam persekolahan dalam kalangan Orang Asli masih belum memuaskan. Berdasarkan kajian-kajian lampau isu keciciran dalam kalangan pelajar Orang Asli masih berada pada tahap yang membimbangkan.

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN ORANG ASLI

Setelah lebih 50 tahun negara Malaysia merdeka, kejayaan pelajar Orang Asli dalam bidang pendidikan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan rata-rata rakyat di negara ini. Sungguhpun ramai pelajar Orang Asli telah berjaya menempatkan diri di institusi Pengajian Tinggi Awam, namun mengikut perangkaan, bilangan mereka masih kecil berbanding dengan jumlah mereka yang melebihi ratusan ribu orang (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2020).

Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (2011-2015) telah dirangka dengan menetapkan enam teras untuk dicapai. Ia merangkumi pembangunan modal insan, menggerakkan ekonomi, memperluaskan akses prasarana, meningkatkan kualiti hidup, melestarikan seni warisan orang asli dan memantapkan sistem tadbir urus organisasi. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyebut sebanyak 4.4 peratus pelajar sekolah rendah masih belum menguasai literasi dan numerasi termasuklah pelajar-pelajar Orang Asli.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak ketinggalan dalam menyediakan kemudahan bagi meningkatkan pencapaian Orang Asli dengan melakukan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi memperkasakan pendidikan Orang Asli (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Kerajaan juga telah memberi peruntukan dalam sumber pengajaran dan sumber fizikal untuk membantu pelajar yang bekeperluan khusus seperti pelajar Orang Asli serta kumpulan minoriti yang lain. Bantuan pendidikan yang disalurkan adalah meliputi

pakaian seragam, tambang pengangkutan, yuran persekolahan, alat tulis, makanan waktu pagi dan petang bagi sekolah pedalaman, keperluan diri dan biasiswa. Selain itu, KPM bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi memastikan kebajikan pendidikan anak-anak Orang Asli terus terjaga seperti mewujudkan jawatankuasa khas bagi meneliti aspek pendidikan golongan ini (Bernama 2019). Melihat kepada peruntukan dan pelbagai kemudahan yang diberikan, masalah berkaitan dengan keciciran dan prestasi akdemik dalam kalangan Orang Asli sewajarnya tidak berlaku secara serius.

Jadual 1

Enrolmen Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Orang Asli 2018

Negeri	Sekolah Rendah		Sekolah menengah		Jumlah	
	Bilangan Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Sekolah	Bilangan Pelajar
Johor	128	1,373	173	2,033	301	3,406
Kedah	5	14	1	43	6	57
Kelantan	12	1,051	20	2,374	32	3,425
Melaka	29	201	42	277	71	478
N. Sembilan	63	677	102	1526	165	2,203
Pahang	127	5,073	200	10,193	327	15,266
Perak	90	3,945	134	7,426	224	11,371
Selangor	59	1,131	89	2,536	148	3,667
Terengganu	6	71	7	180	13	251
Jumlah	519	13,536	768	26,588	1,287	40,124

(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2018)

Jadual 1 mendapati enrolmen kemasukan pelajar Orang Asli ke sekolah menengah adalah jauh lebih rendah berbanding enrolmen di sekolah rendah. Jumlah pelajar Orang Asli di 519 buah sekolah rendah di seluruh Malaysia adalah seramai 13,536 manakala terdapat 768 buah sekolah menengah yang dihadiri oleh 26588 pelajar Orang Asli.

Isu kegagalan pendidikan dalam kalangan Orang Asli akibat kekurangan kemudahan dan infrastuktur ini bukan sesuatu yang baru (William-Hunt 1998). Masalah yang sama berterusan sehingga ke hari ini (Kamarudin et al., 2019). Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar sekolah Orang Asli adalah masalah pengangkutan untuk ke sekolah (Kamarudin et al., 2019). Ketiadaan infrastruktur asas seperti jalan raya dan jambatan serta isu dokumen yang tidak lengkap menyukarkan perhubungan Orang Asli dengan dunia luar (Kamarudin et al., 2019; Howard et al., 2020). Keadaan ini secara tidak langsung turut menjejaskan peluang pendidikan yang diperoleh oleh Orang Asli terbabit.

Nazariyah (2014) mendapati cabaran utama guru-guru yang mengajar pelajar Orang Asli adalah untuk menyemai minat belajar dalam kalangan mereka. Apakah langkah yang efektif bagi mengatasi masalah ini. Sikap pelajar Orang Asli yang sambil lewa, enggan hadir ke sekolah, tidak mahu bergaul dengan rakan sekelas mahupun kaum lain menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terjejas. Kenyataan ini disokong oleh Kamarudin et al. (2019), kebanyakan pelajar Orang Asli kurang berdaya saing untuk maju dalam pendidikan kerana sikap mereka yang malas belajar dan sikap malu yang tinggi serta kurang berkeyakinan terhadap kebolehan mereka dalam akademik. Kajian lampau mendapati bahawa masyarakat Orang Asli bergantung sepenuhnya kepada kerajaan akan hal-hal berkaitan pendidikan. Hal ini demikian kerana, mereka beranggapan pembiayaan persekolahan adalah sepenuhnya ditanggung oleh kerajaan (Kamarudin et al., 2019).

KETIDAKHADIRAN PELAJAR ORANG ASLI

Kajian lampau berkaitan dengan isu ketidakhadiran anak-anak Orang Asli sejak dahulu sehingga sekarang masih di dominasi oleh faktor yang sama iaitu masalah pengangkutan kerana mereka tinggal jauh dari kawasan pedalaman (Wan Afizi Wan Hanafi, 2014); kemiskinan dan desakan ekonomi (Omar Othman, 2010); sikap ibu bapa Orang Asli terhadap pendidikan (Ramle Abdullah & Hood Salleh, 2010); kegagalan program yang dijalankan oleh JAKOA untuk menyampai dan memberi pendidikan kepada masyarakat Orang Asli (Kamarulzaman Khairuddin & Osman Jailani 2008); persekitaran budaya, nilai hidup yang negatif serta dorongan diri yang rendah untuk terus belajar (Christina et al., 2019) dan masalah penggunaan bahasa selain bahasa ibunda Orang Asli (Abdull Sukur et al., 2011)

walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuklah membina sekolah dalam kawasan penempatan Orang Asli untuk menanganinya. Banyak faktor yang menyebabkan keciciran pelajar Orang Asli termasuklah faktor geografi Mazdi et al. (2014), budaya pelajar (Rokiah et al., 2019), fisiologi pelajar-pelajar (Nazariyah, 2014), sikap terhadap pendidikan dan komitmen belajar (Ahmad & Awang, 2016).

PERMASALAHAN KAJIAN

Masalah kehadiran Orang Asli ke sekolah pendidikan telah lama dibangkitkan oleh pelbagai pihak, namun sehingga hari ini masalah tersebut tetap wujud. Faktor tarikan (*pulling factors*) kepada pelajar Orang Asli untuk 'kekal belajar' dalam komuniti kehidupan mereka dan pada masa sama wujud faktor tolakan (*pushing factors)* di sekolah. Namun hipotesis tersebut belum dibuktikan sehingga satu kajian empirikal dilakukan. Situasi ini merupakan latar belakang kepada kajian ini. Tambahan pula, wujud keperluan unuk meneliti sama ada sejauh mana ekologi pembelajaran di sekolah bersesuaian dengan aspirasi pembelajaran Orang Asli. Kajian ini mengadaptasi Teori Faktor Tolak-tarik (Lee, 1966) berkaitan dengan faktor penarik *(pulling factors)* dan faktor-faktor penolakan *(pushing factors)* dalam memberi motivasi kepada individu untuk berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain.

Teori Faktor Tolak-tarik (Lee, 1966) ini banyak membincangkan tentang penghijrahan individu dari persekitaran yang sukar kepada persekitaran yang lebih menarik minat individu. Prinsip kepada teori ini lebih cenderung kepada faktor tarikan ekonomi yang membawa kepada motivasi untuk berlakunya perpindahan sedangkan faktor tolakan dan tarikan ini bukanlah sepenuhnya didominasi oleh faktor ekonomi. Dalam pendidikan umpamanya faktor yang abstrak iaitu tawaran kepada perubahan kehidupan pada masa hadapan merupakan agenda untuk menjadi faktor tarikan *(pulling factors)* kepada pelajar untuk hadir ke sekolah. Dalam konteks pendidikan luar bandar terutamanya Orang Asli, rujuk keperluan untuk meneroka apakah faktor-faktor yang menjadi faktor tolakan kepada pelajar sehingga membuatkan mereka tidak hadir ke sekolah; sebaliknya pula mereka cenderung untuk meluangkan waktu ponteng bersama komuniti mereka (apakah faktor yang menjadi tarikan kepada kumpulan pelajar tersebut?).

Statistik menunjukkan bahawa isu keciciran ini masih berada pada tahap membimbangkan. Namun, peningkatannya dapat dilihat dari tahun ke tahun. Jadual 2 menunjukkan peratus purata kehadiran pelajar di sekolah Orang Asli masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Hal Ini sangat berbeza dengan peratus purata kehadiran pelajar pribumi yang telah mencapai sasaran. Pada akhir tahun 2018, hanya 87 peratus sahaja purata kehadiran pelajar Orang Asli.

Jadual 2

Prestasi Kehadiran Keseluruhan Pendidikan Orang Asli

Aspek	Sasaran	Pencapaian Pertengahan Tahun	Pencapaian Akhir Tahun
Peratus purata kehadiran pelajar di Sekolah Orang Asli	90%	87.92%	87.35%
Peratus transisi pelajar Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1	75%	76.67%	76.67%

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)

Jadual 3 memaparkan peratus purata kehadiran Orang Asli ke sekolah di Malaysia sepanjang tahun 2018. Tiada data terkini dipaparkan kerana belum diperoleh statistik rasmi daripada kerajaan berkaitan perkara ini.

Jadual 3

Peratus Purata Kehadiran Orang Asli Mengikut Negeri Tahun 2018

Johor	Kelantan	Negeri Sembilan	Pahang	Perak	Selangor	Terengganu
93.47	82.43	89.01	86.02	90.28	84.42	72.07

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)

Statistik menunjukkan bahawa 42 buah sekolah Orang Asli yang belum mencapai purata kehadiran 88 peratus. Sejumlah 53 peratus daripada 42 buah sekolah menunjukkan peningkatan dalam purata kehadiran pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Fenomena ini merupakan titik-tolak penting kepada penyelidikan empirikal untuk memahami isu ketidakhadiran pelajar Orang Asli di sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini meneroka faktor-faktor yang menyebabkan ketidakhadiran pelajar Orang Asli ke sekolah dan juga bentuk aktiviti yang mereka lakukan ketika tidak hadir ke sekolah. Kajian ini meneroka budaya pembelajaran yang menjadi aspirasi kepada komuniti pelajar Orang Asli daripada perspektif pelajar Orang Asli yang kerap ponteng sekolah.

METODOLOGI

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi mendapatkan maklumat mendalam tentang sesuatu fenomena (Yin, 2009). Kes yang dikaji dalam kajian ini ketidakhadiran ke sekolah pelajar Orang Asli. Kajian kes merupakan aspek penting dalam penyelidikan pendidikan, kerana factor ini memberi gambaran terperinci dan berpotesi memunculkan elemen-elemen baru yang tidak diketahui umum. Kajian kes memberikan bukti sosial yang amat penting untuk perancangan tindakan lanjutan (Yin, 2009).

Persampelan

Kajian kes ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi tujuan meneroka, mengetahui dan memahami secara mendalam tentang fenomena sosial berkaitan dengan ekosistem kehidupan Orang Asli yang membawa kepada permasalahan persekolahan mereka. Sampel yang dipilih terdiri daripada lima orang pelajar Orang Asli yang telah berhenti sekolah di peringkat menengah, tiga orang ibu bapa yang anaknya yang tidak menyertai sesi persekolahan dan seorang Tok Batin. Sampel kajian ini adalah seramai sembilan orang: temu bual dengan lima orang pelajar untuk mendapatkan maklumat primer

bagi mengenal pasti punca ketidakhadiran; manakala Tok Batin dan tiga orang ibu bapa yang ditemubual dalam kajian ini merupakan pemimpin komuniti yang mengambil berat dan diberi tanggungjawab oleh komuniti untuk hal ehwal persekolahan anak-anak Orang Asli. Dalam penyelidikan berkualiti, tidak ada peraturan atau bilangan khusus untuk responden, namun, ukuran sampel bergantung pada beberapa faktor seperti tujuan, kegunaan, kredibiliti, masa dan sumber yang ada serta kesediaan peserta untuk turut serta dalam temu bual (Patton, 2002). Tetapi, kriteria terpenting dalam memilih peserta adalah bergantung kepada data yang dikumpulkan sama ada mencukupi atau tidak. Maka, sampel secara bertujuan telah digunakan untuk pemilihan sampel dalam kalangan pelajar Orang Asli dengan berdasarkan kepada kriteria berikut:

i. Pelajar tersebut kerap tidak hadir ke sekolah tetapi masih aktif berdaftar di sekolah.
ii. Pelajar tersebut tidak dibuang sekolah atau berhenti sekolah secara rasmi.
iii. Pelajar tersebut tidak berpindah daripada tempat tinggal dalam komuniti mereka;
iv. Pelajar tersebut tidak bekerja sebagai buruh sama ada di ladang kelapa sawit atau ladang getah berdekatan ataupun di kilang-kilang berdekatan mereka; dan
v. Pelajar yang tidak hadir ke sekolah tetapi sihat tubuh-badan (bukan kerana sakit atau keuzuran).

Kriteria khusus untuk pemilihan tiga orang ibu bapa yang menjadi sampel kajian adalah terdiri daripada ibu bapa kepada kesemua pelajar Orang Asli yang tidak hadir ke sekolah. Manakala seorang Tok Batin yang dipilih adalah ketua komuniti Orang Asli dari keturunan etnik Semelai di Negeri Sembilan. Semelai merupakan salah satu suku dari Proto Melayu atau Melayu Asli. Suku Semelai kebanyakannya tinggal di Pahang dan Negeri Sembilan (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2020). Perkampungan Orang Asli yang menjadi lokaliti kajian ini berbentuk kelompok dan berpusat yang diselangi dengan kebun getah dan kelapa sawit.

Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dimulai dengan pembinaan protokol temubual. Fokus utama dalam protokol temubual adalah faktor ketidakhadiran ke sekolah, aktiviti ketika ponteng dan aspirasi terhadap budaya pembelajaran. Pembinaan protokol temubual memenuhi syarat dan garis panduan pembinaan protokol temubual sebagaimana

yang melibatkan empat fasa sebagaimana saranan Castillo-Montoya (2016) iaitu fasa 1: memastikan soalan temubual selaras dengan soalan penyelidikan; fasa 2: membina soalan yang berupaya menjana maklumat yang banyak; fasa 3: membuat semakan pakar terhadap soalan yang dibina; dan fasa 4: melaksanakan kajian rintis. Kajian rintis untuk protokol temubual adalah melibatkan proses menambah baik soalan temubual bagi memperoleh input dan maklumat selaras dengan persoalan kajian. Maka, berikut adalah fokus dan tumpuan soalan yang digunakan dalam protokol temubual kajian ini:

Fokus 1 Faktor Ketidakhadiran

- Bagaimanakah ekologi pembelajaran di sekolah?
- Sejauh mana persekitaran sekolah memberi impak kepada minat belajar? (Faktor tolakan dari sekolah).

Fokus 2 Aktiviti Ketika Ponteng

- Apakah bentuk / bagaimana kehidupan pelajar ketika ponteng?
- Sejauh mana kehidupan sewaktu ponteng memberi impak kepada minat belajar? (Faktor tarikan ke komuniti)

Fokus 3 Aspirasi Pembelajaran

- Bagaimanalah budaya pembelajaran yang menjadi aspirasi pelajar?

Analisis Data

Attride-Stirling (2001) telah membahagikan prosedur analisis data kualitatif berbentuk naratif kepada tiga peringkat utama iaitu dimulai dengan pengurangan teks, diikuti pula dengan penerokaan teks dan seterusnya penyatuan penerokaan. Walau bagaimanapun, dalam kajian kualitatif, terdapat pelbagai cara analisis kualitatif data yang mana tidak terbatas kepada tiga peringkat ini sahaja (Attride-Stirling, 2001; Braun & Clarke, 2006). Dalam kajian ini, analisis data adalah merujuk kepada fasa analisis yang dikemukakan oleh Akinyode (2018) iaitu melibatkan lima langkah iaitu masukan data (*Data Loggin*), anekdot/ pembersihan (*Anecdotes*), lakaran interpretasi/vignet (*Vignettes*), pengekodan data (*Data Coding*) dan rangkaian bertema (*Thematic Network*). Pada langkah pertama sebelum masukan data, data naratif yang terkumpul telah dibuat transkripsi dalam bentuk digital sebagai data kasar (*raw data*). Data naratif dalam bentuk digital itu kemudiannya dibuat pembersihan dengan meneliti perkataan sebenar yang digunakan dalam perbualan agar ia benar-benar tepat. Lakaran interpretasi data naratif dibuat untuk membolehkan data tersebut dapat

difahami. Kemudian proses pengkodan dilakukan bagi mengenal pasti tema daripada data temu bual tersebut. Analisis Cohen Kappa dilakukan terhadap tema-tema tersebut dan mendapati peratusan persetujuan adalah tinggi.

Triangulasi

Empat jenis asas triangulasi dalam kajian kualitatif telah diperkenal lama oleh pakar kualitatif (Denzin, 1973) ialah (i) triangulasi data yang mana ia melibatkan masa, ruang, dan individu; (ii) Triangulasi Penyelidik yang melibatkan sekurang-kurangnya dua penyelidik; (iii) Triangulasi Teori melibatkan penggunaan lebih daripada satu skema teori dalam pentafsiran fenomena; dan (iv) Triangulasi Metodologi pula melibatkan penggunaan lebih daripada satu kaedah pengumpulan data, seperti temu bual, pemerhatian, soal selidik, dan dokumen. Triangulasi data dalam kajian ini menggunakan pendekatan Triangulasi Penyelidik (*Investigator Triangulation*) yang melibatkan dua penyelidik berlainan latar belakang dalam mendapatkan data berkaitan isu ponteng, aktiviti sewaktu ponteng dan aspirasi pendidikan berdasarkan perspektif pelajar Orang Asli yang kerap ponteng, ibu bapa dan Tok Batin. Data daripada ketiga-tiga kategori informan ini telah dianalisis bagi menjawab persoalan dalam kajian ini. Triangulasi Penyelidik yang digunakan dalam kajian ini melibatkan senarai semak untuk mengenalkan fokus oleh penyelidik (Centers for Disease Control and Prevention, 2013) sebagaimana berikut.

Jadual 4

Senarai Semak untuk Triangulasi Penyelidik

Fokus	Pelajar	Ibu Bapa	Tok Batin
Kenapa Ponteng Sekolah			
Aktiviti Sewaktu Ponteng			
Aspirasi Pembelajaran			

Senarai semak menjadi panduan kepada penyelidik agar kekal fokus dengan matlamat penyelidikan, sekaligus membolehkan maklumat diperoleh dengan banyak dan relevan. Penggunaan senarai semak untuk pendekatan Triangulasi Penyelidik dalam kajian kualitatif turut disarankan oleh ramai penyelidik seperti Patton (2002) dan Leech dan Onwuegbuzie (2008). Triangulasi Penyelidik juga adalah melibatkan

pengiraan skor Kohen Cappa bagi meneliti keseragaman darjah persetujuan antara penyelidik.

DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga fokus utama iaitu punca ketidakhadiran ke sekolah, pengisian aktiviti ketika ponteng dan budaya pembelajaran yang menjadi aspirasi komuniti pelajar Orang Asli daripada perspektif pelajar Orang Asli yang tidak hadir ke sekolah.

Punca Ketidakhadiran ke Sekolah

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat empat faktor ketidakhadiran pelajar Orang Asli ke sekolah.

Faktor 1 Sikap Pelajar

- Antara sikap pelajar yang menjadi punca pelajar tidak hadir ke sekolah adalah malas, tidak mempunyai minat untuk belajar dan berasa rendah diri.

Malas

Daripada lima orang responden yang ditemubual, empat orang daripadanya menceritakan mereka malas belajar. Berasa susah untuk belajar dan tidak suka mengasah minda bagi mengingati sesuatu topik dalam pembelajaran menjadikan sikap malas mereka semakin menebal:

> "*Saya malas datang ke sekolah (termenung), saya tak mahu fikir-fikir belajar macam susah lah" (Pelajar Orang Asli 1),*
> "*Saya malas bangun pagi. Tak suka pergi sekolah. Tiada kawan orang asli" (Pelajar Orang Asli 3).*

Hal yang serupa dikongsi oleh ibu bapa lain yang menyatakan anak mereka malas ke sekolah:

> "*Kalau suruh belajar memang susah sikit pada budak orang asli. Mereka malas ke sekolah. Kita suruh pun tidak hirau kita juga" (Ibu Bapa 1).*

Tidak Minat Belajar

Selain itu, hasil kajian menunjukkan perasaan minat terhadap pembelajaran dan alam persekolahan telah terhakis akibat sikap malas yang wujud dalam diri mereka. Kesemua responden pelajar Orang Asli memaklumkan mereka tidak minat akan pelajaran:

> *"Tidak minat cikgu. Saya suka berada di kampung" (Pelajar Orang Asli 1).*
> *"Tidak minat belajar, tidak suka ke sekolah, mengantuk" (Pelajar Orang Asli 3).*
> *"Tak suka belajar. Hidup di kampung lebih suka" (Pelajar Orang Asli 4).*

Terdapat subjek yang diminati mereka, tetapi sekadar satu subjek sahaja, selebihnya semua subjek dianggap susah untuk dikuasai:

> "*Saya kurang minat belajar, suka subjek Sains sahaja. Subjek lain tak minat" (Pelajar Orang Asli 2).*

Istilah seronok belajar tidak wujud bagi mereka kerana sudah tersemat dalam diri mereka bahawa belajar adalah perkara yang menyusahkan:

> *"Susah belajar, saya tak minat" (Pelajar Orang Asli 4).*
> "*Tak tahu nak cakap, tapi susah belajar, lagi kadang-kadang seronok kadang-kadang tak. Malas nak bangun cikgu*" (*Pelajar Orang Asli 1*).
> "*… kalau belajar memang tak boleh, susah. Cepat lupa cikgu ajar*" *(Pelajar Orang Asli 5).*

Terdapat juga peserta kajian yang tidak minat dengan alam persekolahan kerana beliau memilih untuk meneruskan pekerjaan yang dilakukannya:

> "*(Saya) kurang minat (belajar) waktu dulu, Nak kerja cari duit tolong ayah… dapat duit. Saya malas hadir ke sekolah setiap hari. Suka kerja di RnR*" *(Pelajar Orang Asli 5).*

Rendah Diri

Seterusnya, hasil kajian juga telah menyingkap bahawa Orang Asli bersikap rendah diri, pemalu dan mudah rasa terhina. Sikap ini terbawa-bawa dalam pembelajaran terutama apabila berhadapan dengan rakan-rakan daripada kaum lain.

> "*Mereka tidak minat belajar. Budak orang Asli ni kurang yakin belajar. Kalau cikgu tengok, budak ini ada rasa rendah diri. Malu nak pegi sekolah juga. Jadi dia bekerja tanpa pelajaran*" *(Tok Batin, Semelai).*

Selain itu terdapat juga pandangan dati Tok Batin jika anak Orang Asli cemerlang di peringkat sekolah menengah belum tentu boleh masuk universiti kerana kekangan kewangan:

> "*Kalau anak masuk universiti, macam mana nak pergi duit tak cukup*" *(Tok Batin, Semelai).*

Faktor 2 Pengaruh Rakan Sebaya

Dapatan kajian mendapati pengaruh dan pandangan rakan sebaya membawa kepada punca tidak mahu bersekolah:

> "*Ramai kawan berhenti sekolah" (Pelajar Orang Asli 1).*
> *"Saya malas datang ke sekolah (termenung), saya tak mahu fikir-fikir belajar macam susah saja. Kawan saya pun berhenti kata susah belajar" (Pelajar Orang Asli 2).*
> *"Saya malas bangun pagi. Tak suka pergi sekolah. Kadang-kadang kawan buli. Rakan saya kelas 3 Antah sudah berhenti. Tiada kawan orang asli" (Pelajar Orang Asli 3).*

Keputusan berhenti sekolah dalam kalangan pelajar ini seolah-olah berjangkit dari rumah ke rumah. Terdapat juga ibu bapa yang menyatakan bahawa cucu mereka sudah tidak mahu ke sekolah berikutan mengikuti jejak langkah abang dan kawannya:

> "*Cucu saya pun sudah 3 minggu tidak mahu datang (sekolah). Ikut abang dan kawan dia tak sekolah. Ibu dia ada suruh tapi susah lah cikgu. Degil dia" (Ibu Bapa 3).*

Faktor 3 Ekologi Sosial

Hasil kajian mendapati perasaan keterikatan hidup dengan komuniti dan ekologi sosial mereka menjadi penyebab sesetengah pelajar Orang Asli tidak memberi keutamaan kepada pelajaran. Orang Asli sangat terikat dengan kehidupan ekologi 'hutan' dan rimba yang menjadi cara hidup sejak turun temurun. Hal ini kerana ekologi sebegini menyediakan ruang yang baik untuk mereka melakukan aktiviti ekonomi sara diri:

> "*Boleh jual kutip hasil dalam hutan. Saya jual buah durian pada Cina Labu. Lauk selalu sumpit kera, (anak) budak pun lastik tupai. Kita tak ada risau nak makan kalau tak ada duit tu" (Ibu Bapa 1).*
> *"Macam biasa hidup orang kampung. Seronok sebab ada kawan sama-sama masuk hutan". Saya tolong angkat buah kelapa (sawit) dalam ladang" (Pelajar Orang Asli 2).*
> *"Saya tidak kerja lepas berhenti sekolah. Sekarang ada sini tolong ayah ambil buah sawit. Kadang-kadang menoreh getah" (Pelajar Orang Asli 1).*

Hal inilah yang berlaku pada pelajar Orang Asli ini kerana mereka kerap ponteng sekolah semata-mata ingin membantu ibu bapa mereka mencari hasil hutan atau melakukan pekerjaan berkaitan pertanian contohnya memungut buah kelapa sawit dan menoreh getah.

> "*Saya tolong ayah menoreh getah di kebun lebih kurang 1 ekar" (Pelajar Orang Asli 3).*

Faktor 4 Sikap Ambil Mudah Ibu Bapa

Pelajar Orang Asli didapati sukar berubah sikap ke arah positif dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini kerana, terdapat ibu bapa yang

mengambil mudah akan hal tidak ke sekolah ini. Ibu bapa Orang Asli hanya menyuruh ke sekolah tanpa ada ketegasan dan tindakan sewajarnya di sebalik kata-kata mereka:

> "*Anak saya ni saya dah suruh. Kejut bangun pagi saya buat makanan untuk ke sekolah. Saya sudah berusaha, tetapi dia tidak mahu ke sekolah. Dia tidak minat la cikgu" (Ibu Bapa 1).*
> *"Kalau suruh belajar memang susah sikit pada budak orang Asli" (Ibu Bapa 2).*
> *"Cucu saya pun sudah 3 minggu tidak mahu datang (sekolah), Ibu dia ada suruh tapi susahlah cikgu. Degil dia" (Ibu Bapa 3).*

Ibu bapa tidak bertegas dengan anak-anak mereka apabila ada yang menyuarakan ingin berhenti sekolah, bahkan ada ibu bapa Orang Asli yang hanya menurunkan tanda tangan surat berhenti sekolah secara sukarela:

> *"Saya lama tak datang sekolah naik tingkatan 3. Cikgu datang suruh sekolah. Saya tak mahu. Mak tandatangan berhenti sukarela" (Pelajar Orang Asli 4),*

Orang Asli begitu jelas menunjukkan masyarakat Orang Asli memahami bahawa pekerjaan yang baik dan pendapatan lumayan mampu diperolehi dengan memiliki pendidikan tinggi:

> *"Pendidikan penting kepada Orang Asli" (Tok Batin, Semelai),*
> *"Semua hal mesti ada pendidikan kalau mahu berjaya" (Ibu Bapa 3).*
> *"Pendidikan mesti ada. Kalau tidak pandai belajar susah (dapat) kerja" (Ibu Bapa 1).*
> *"Budak-budak ini tahu pendidikan penting" (Ibu Bapa 2).*

Pelajar Orang Asli pun turut menyedari kepentingan pendidikan dalam hidup mereka. Malangnya, sikap sesetengah ibu bapa Orang

Asli tidak meletakkan aspek pendidikan anak-anak sebagai perkara utama dalam kehidupan telah menyebabkan mereka terus dibelenggu kemiskinan.

Selain itu, dapatan kajian juga menjumpai bahawa ibu bapa Orang Asli kurang memainkan peranan penting dalam soal pendidikan anak-anak. Misalnya tidak menyediakan peralatan sekolah yang lengkap seperti buku dan alat tulis:

> "...r*amai kawan berhenti. Tak cukup duit mahu sekolah. Buku tulis tiada, buku rujukan tiada. Lebih suka hidup di kampung saja…" (Pelajar Orang Asli 2).*

Aktiviti Ketika Ponteng Pelajar

Hasil kajian mendapati, terdapat enam aktiviti utama yang kerap dilakukan oleh anak-anak Orang Asli yang tidak ke sekolah.

Aktiviti 1 Memungut Hasil Hutan

Memungut hasil hutan menjadi tradisi turun temurun masyarakat Orang Asli di Malaysia.

> *"Kalau ponteng sekolah, saya ada kat sini tolong ayah menoreh getah. kadang-kadang pergi pungut durian. Ambil upah kutip buah sawit. Kalau kawan ajak masuk hutan cari babi, kita masuk tangkap, dapat kita jual" (Pelajar Orang Asli 1),*
> *"Jual petai dengan durian, ada ambil upah kutip durian Cina di Bukit Gallah" (Pelajar Orang Asli 1),*
> *"Boleh juga tambah sikit-sikit wang. Upah pungut durian dalam kebun Cina di Bukit Galah (kahwin dengan Orang Asli) selain ikut ayah kerja buat rumah" (Pelajar Orang Asli 1),*
> *"Saya tolong ayah buat bata simen. Kalau hujung minggu ayah panjat pokok petai (tolong ayah kutip/ kumpul buah petai" (Pelajar Orang Asli 2).*

Aktiviti 2 Membantu Keluarga

Pelajar Pelajar Orang Asli sebenarnya banyak membantu keluarga mereka walaupun baru menjengah umur awal belasan tahun, kudrat yang ada digunakan ke arah kebaikan dengan membantu ibu bapa mendapatkan sumber kewangan:

> *"Saya banyak tolong ayah masa tak sekolah. Saya ikut dia menoreh getah. Kebun kami luas juga. Ayah seorang tak kuat. Bila orang potong sawit, saya pungut dengan abang" (Pelajar Orang Asli 1)*
> *"Tak pergi mana, saya tolong mak buat kerja rumah. Tolong mak menoreh getah. Lepas tu saya kahwin. Sekarang kerja menyapu kat sekolah sana (pekerja kebersihan di sekolah menengah) (Pelajar Orang Asli 4)*
> *"Saya kerja menoreh getah sebelum jadi tukang masak. Sekarang anak ada bantu suami menoreh getah. Dia belajar dengan bapaknya. Dia dah pandai. Kalau dia tak bantu susah lah. Terbiar kebun tu" (Ibu Bapa 3)*
> "*Saya kerja di RnR sebab nak tolong ayah dan mak. Masa sekolah pun saya ponteng sebab pergi kerja. Lepas tu berhenti sekolah saya kerja di RNR. Sekarang saya mesin rumput ambil upah" (Pelajar Orang Asli 5)*

Aktiviti 3 Memburu

Antara aktiviti lain yang dilakukan oleh anak Orang Asli yang tidak bersekolah adalah memburu binantang sebagai mata pencarian bagi mendapatkan upah.

> "*Dapat jual landak boleh la duit. Kadang-kadang tak dapat, tak de duit lah. Ikut masa juga, burung punai pun jual sebab mak jarang bagi duit saya dah tak sekolah" (Pelajar Orang Asli 3).*
> "*Cari babi buat lauk atau jual. Ular dengan landak pun jual juga kat Cina" (Pelajar Orang Asli 3).*
> *"Selalu dapat juga duit sebab pasang perangkap*

ayam hutan. Seekor RM45 macam tu lah. Kalau pagi saya dengan abang sumpit monyet" (Pelajar Orang Asli 5).
"Kalau rajin saya menjerat ayam, babi. Saya ikut mood lah masuk hutan" (Pelajar Orang Asli 5).
"Lepas berhenti sekolah, selalu masuk hutan dapat babi liar saya jual pada cina di luar. Kadang-kadang cari kura-kura. Saya ikut kawan-kawan pasang perangkap" (Pelajar Orang Asli 1),
"Saya cari babi dengan kawan-kawan, sumpit kera untuk makanan. Kadang-kadang buru biawak kat kaki bukit" (Pelajar Orang Asli 2).
"*Selalunya waktu pagi kita bawa anjing pergi hutan cari landak dan biawak" (Pelajar Orang Asli 2)*
"Ada juga ikut kawan-kawan lastik tupai bila waktu petang" (Pelajar Orang Asli 4)
"Selalu dapat juga duit sebab pasang perangkap ayam hutan. Seekor RM45 macam tu lah. Kalau pagi saya dengan abang sumpit monyet. Monyet turun rendah sikit, petang dia naik tinggi sebab di atas teduh daun rimbun" (Pelajar Orang Asli 5).

Haiwan yang ditangkap akan dijadikan lauk dan jika hasil tangkapan mereka agak banyak, ia akan dijual kepada orang Cina di kampung lain:

"*Saya masuk hutan juga ambil buah kabung, buah kelubi, sumpit babi. Kita jual kepada Cina kedai di kampung lain. Tu lah dia hasil yang kami ambil sini" (Ibu Bapa 3).*

Orang Asli ini bukan sahaja memburu binatang di dalam hutan atau di hutan, malahan mereka juga memburu haiwan di sekitar rumah atau kampung mereka tanpa mengira waktu.

Aktiviti 4 Bercucuk Tanam

Selain memburu, memungut hasil hutan, hasil temubual telah mendapati kegiatan pertanian sara diri dalam masyarakat Orang Asli masih berterusan. Aktiviti bercucuk tanam ini dilakukan dengan bantuan anak-anak.

> "*Sayur matang kena (kutip dan) jual sayur" (Pelajar Orang Asli 3)*

Bercucuk tanam juga merupakan aktiviti pelajar Orang Asli perempuan setelah berhenti sekolah. Selain mencari rezeki sebagai pekerja kebersihan, beliau juga membantu ibunya menguruskan tanaman sayuran di kebun yang berdekatan dengan rumah:

> "*Saya nak kerja cari duit. Nak kahwin dulu. Malas nak belajar, susah. Boleh tampung kehidupan tanpa pelajaran juga, saya tolong mak tanam sayur di belakang rumah. Pungut jual buah terung" (Pelajar Orang Asli 4)*

Sewaktu rakan-rakan di sekolah sibuk dengan buku dan pelajaran, peserta kajian memilih jalan untuk berhenti persekolahan. Pelajar ini memilih untuk berbudi kepada tanah dengan meredah hutan dan berkebun semasa tidak hadir ke sekolah dan setelah berhenti belajar:

> *"Boleh juga tambah sikit-sikit wang. Upah … ikut ayah kerja tukang rumah. Saya selalu tolong ayah di kebun tanam pokok (buah-buahan), bendi dengan kacang sikit saja. Pulasan, durian, duku (terdapat di kebun milik bapanya)" (Pelajar Orang Asli 2)*

Aktiviti 5 Menangkap Ikan

Jika tidak berada di sekolah, terdapat peserta kajian yang memberitahu beliau memasang pukat untuk menangkap ikan di Sungai Labu dengan rakan-rakan bagi dijadikan lauk:

> "*Kadang-kadang saya cari ikan dalam Sungai Labu, dapat ikan toman, ikan lampan untuk makan" (Pelajar Orang Asli1)*

Hasil itu sekaligus dapat menjimatkan perbelanjaan lauk keluarganya. Cara hidup yang mudah di kampung dengan makanan ada di sekitar mereka sama ada dijadikan lauk atau dijual kepada peraih di luar kampung mereka;

Aktiviti 6 Bersosial

Selain memburu dan memungut hasil hutan, kajian ini mendapati pelajar Orang Asli mengisi masa mereka bersosial dengan rakan sebaya sekiranya mereka tidak ke sekolah. Tidak kira pagi, petang atau malam, mereka keluar dari rumah dan menuju ke rumah kawan untuk bersembang dan meluangkan masa bersama:

> *"Petang ada juga lepak rumah kawan, sembang" (Pelajar Orang Asli 3)*
> *"Petang ada juga lepak rumah kawan, sembang" (Pelajar Orang Asli 3)*
> *"Kawan ajak lepak malam kat tepi gereja. Cakap-cakap saja" (Pelajar Orang Asli 5).*

Sesetengahnya masa tersebut digunakan untuk mengubahsuai motosikal atau membaik pulih kenderaan:

> "*Kawan pun datang rumah juga nak buat jerat...bikin motor sekali, sini semua budak ada motor" (Pelajar Orang Asli 1)*

Menurut salah seorang ibu bapa, pelajar Orang Asli juga tidak terlepas daripada pengaruh teknologi terkini seperti telefon pintar hingga menyebabkan mereka kurang menumpukan masa kepada pelajaran, bahkan menjadi malas belajar:

> "*Mereka malas ke sekolah. Kita suruh pun tidak mahu juga. Lebih suka lepak di rumah (kampung), malam keluar dengan kawan dia. Dia tidak buat jenayah. Suka main telefon dengan kawan" (Ibu Bapa 2)*

Aspirasi Budaya Belajar

Dapatan kajian ini mendapati bahawa budaya belajar yang menjadi aspirasi adalah bersifat teknikal dan berupaya menyediakan kemahiran serta ilmu untuk survival mereka.

> *"Pendidikan penting kepada Orang asli, kalau gagal, kemahiran perlu ada boleh cari kerja lain.*

> *Tiada kerja macam mana mahu hidup semua ada GST" (Tok Batin Semelai)*

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa Orang Asli sedar tentang kemahiran teknologi terkini yang penting diterokai oleh Orang Asli.

> "*Saya mahu belajar kemahiran (automotif) mahu kerja di luar kat iaitu kedai edaran (X). Pak cik saya manager situ" (Pelajar Orang Asli 3).*

Selain itu, pembelajaran berkaitan pertukangan dalam pembinaan domestik antara yang dicadangkan oleh pelajar Orang Asli ini. Pembinaan Domestik adalah satu mata pelajaran di peringkat sekolah menengah semasa yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5.

> "*Saya nak belajar buat rumah. Kat rumah saya pun buat batu bata sendiri belajar dengan ayah. Ikut ayah baiki rumah orang ... saya nak belajar macam CIDB kat sekolah ada "domestik" macam pembinaan domestik bagi pelajar menengah atas*" *(Pelajar Orang Asli 2).*

Seorang lagi peserta membangkitkan lagi tentang kemahiran yang lebih bersifat domestik seperti kemahiran menjahit dan memasak. Pelajar Orang Asli perempuan yang mahukan kemahiran menjahit bagi memudahkannya mencari pekerjaan pada hari-hari mendatang sebagai satu mata pencarian. Dalam harapannya itu terhadap pendidikan, peserta kajian ini memberitahu bahawa beliau ingin membantu suami menambah pendapatan isi rumah melalui kemahiran menjahit pakaian sesuai dengan dirinya sebagai seorang wanita:

> *"...belajar menjahit ke, buat kuih ke, belajar untuk tambah duit makan..." (Pelajar Orang Asli 4)*

Di samping itu, terdapat peserta yang meminati bidang automotif dan pembinaan. Peserta ini mempunyai minat yang mendalam terhadap kemahiran membaik pulih motosikal. Oleh kerana sering menghabiskan masa dengan kawan-kawannya mengubahsuai motosikal, secara tidak langsung kemahiran itu sebati dalam dirinya,

cuma beliau mahukan tunjuk ajar yang lebih mendalam berkaitan membaik pulih motosikal yang pelbagai model pada hari ini:

> "*Kalau boleh saya nak belajar kemahiran (baiki motor), belajar sekolah susah, saya tak minat tapi saya (suka) pandai baiki motor*" *(Pelajar Orang Asli 1).*

Dalam menyuarakan hasrat berkenaan, terdapat peserta yang menunjukkan minat mempelajari kemahiran vokasional bagi mendapatkan pekerjaan yang diingini pada masa akan datang:

> "*Saya mahu ada pusat belajar baiki enjin (seperti Pusat Giat MARA) kerana mahu belajar itu kemahiran" (Pelajar Orang Asli 3)*
> "*Sekarang saya baru sedar pendidikan ada nanti mudah kerja bagus. Sekarang saya nak cari (belajar) apa-apa kemahiran*" *(Pelajar Orang Asli 5).*

PERBINCANGAN

Faktor Ketidakhadiran

Pada amnya kajian mendapati Orang Asli bersikap malas terhadap pembelajaran dan persekolahan disebabkan dorongan negatif pada jiwa mereka. Natijah dari rasa negatif ini adalah dengan mengambil keputusan berhenti sekolah secara sukarela. Pelajar Orang Asli sendiri mengaku mereka malas belajar dan malas hadir ke sekolah. Seolah-olah otak mereka 'beku' bila memikirkan isi-isi pelajaran.

Dapatan ini turut dijelaskan oleh kajian Kamarudin et al. (2019) yang menyatakan bahawa tiada kesinambungan pelajaran yang diajar di sekolah semasa di rumah. Pelajar tidak membuat latihan atau kerja sekolah yang dibekalkan oleh guru untuk disiapkan di rumah. Selain itu, tahap kesedaran tentang pendidikan juga masih rendah dalam kalangan Orang Asli (Kamarudin et al., 2019). Begitu juga hasil kajian Nazariyah (2014) dan Abdul Razaq et al. (2016), sama dengan dapatan kajian bahawa pelajar Orang Asli tidak meneruskan persekolahan kerana perasaan malas menebal dalam diri mereka.

Dalam pemupukan minat belajar, sokongan ibu bapa daripada apa jua latar sejarah keluarga termasuklah status ekonomi, pegangan agama, budaya keluarga, dan penerimaan atau sikap ibu bapa terhadap nilai pendidikan berfungsi sebagai asas pembentukan identiti diri pelajar Orang Asli. Pendidikan pada peringkat awal yang diperolehi di rumah serta sokongan dan dorongan keluarga akan menjadi asas kepada kejayaan pelajar pada peringkat persekolahan seterusnya. Kajian Irma Yanti et al. (2018) mendapati bahawa faktor sosioekonomi, khususnya tahap pendidikan yang diterima oleh ibu bapa, mempengaruhi pencapaian akademik anak mereka.

Kebanyakkan Orang Asli mempunyai sifat rendah diri dan kurang berkeyakinan terutamanya dalam pencapaian akademik mereka (Kamarudin et al., 2019). Kurang interaksi dengan rakan-rakan daripada kaum lain menjadikan mereka seperti tersisih semasa proses peengajaran dan pembelajaran. Justeru, perasaan untuk belajar makin pudar dan natijahnya keputusan tanpa berfikir panjang ialah berhenti sekolah demi menyertai rakan-rakan lain yang telah lama berhenti belajar. Dapatan ini disokong oleh hasil kajian Nur Bahiyah et al. (2013) yang menjelaskan sikap masyarakat Orang Asli yang mudah sensitif, gemar merendah diri dan apabila ditegur mudah merajuk menyebabkan mereka sukar berinteraksi dengan dunia luar terutama dalam bidang pendidikan.

Budaya keterikatan hidup Orang Asli dengan komunitinya juga menyumbang kepada merosotnya kemahuan untuk bersekolah dalam kalangan pelajar Orang Asli. Rasa ingin tinggal bersama keluarga, hidup dalam komuniti sendiri, rasa kurang selesa bergaul dengan kaum lain, kurang interaksi dalam kelas dan perasaan kurang selamat apabila keluar dari komuniti menyukarkan perkembangan minda pelajar yang mana ia amat penting dalam proses pembelajaran. Pelajar Orang Asli seolah-olah menjadikan ibu bapa mereka sebagai model kehidupan serta menganggap persekitaran hutan adalah nadi kehidupan. Lazimnya ibu bapa mereka menyokong tindakan mereka untuk tidak hadir ke sekolah kerana jika anak-anak mereka pergi ke sekolah, ibu bapa menganggap rezeki mereka sukar diperoleh pada hari tersebut (Kamarudin et al., 2019). Faktor persekitaran dan budaya ini merangkumi elemen sosioekonomi, terlalu sedikit tokoh yang berjaya dari kaum Orang Asli, tiada persaingan positif serta dorongan diri untuk berjaya amat rendah (Ahmad & Awang, 2016). Kegiatan ekonomi mereka pula masih lagi tertumpu kepada aktiviti tradisional iaitu mencari hasil hutan dan pertanian sara diri.

Peranan ibu bapa adalah salah satu daripada aspek yang menyumbang kepada berlakunya keciciran ini. Ibu bapa pelajar Orang Asli yang dikaji sedar dan faham maksud pendidikan untuk semua dan harapan pemimpin negara Malaysia terhadap mereka (Ahmad & Awang, 2016); tetapi masih terdapat anak-anak mereka berhenti sekolah semasa di peringkat menengah rendah. Hakikatnya, hasil kajian mendapati ibu bapa pelajar Orang Asli kurang memainkan peranannya terutama dalam hal berkaitan pendidikan anak-anak. Tidak dinafikan ada peserta kajian dalam kalangan ibu bapa Orang Asli ini yang melaksanakan tanggung jawabnya dengan menyuruh anaknya ke sekolah. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian Norwaliza et al. (2016) yang menjelaskan masih terdapat ibu bapa Orang Asli yang mengabaikan peranan yang sepatutnya mereka laksanakan dalam konteks persekolahan anak-anak seperti menghadiri program sekolah, menghadiri mesyuarat Agung Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), menghadiri hari penyerahan kad laporan kemajuan pendidikan anak-anak serta lain-lain.

Keseluruhan peserta kajian memaklumkan mereka telah memberitahu dan menyuruh anak-anak ke sekolah. Tetapi tiada arahan, paksaan atau penegasan yang konkrit dalam suruhan tersebut. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan tiada ketegasan di sebalik kata-kata suruhan dan nasihat yang disampaikan kerana pelajar berkenaan enggan menuruti kehendak ibu bapa mereka. Hal yang sama dibangkitkan oleh Kamarudin et al. (2019), iaitu ibu bapa Orang Asli mempunyai kesedaran pendidikan tetapi kurang bersungguh-sungguh dan tidak serius dalam membantu pendidikan anak-anak. Selain tidak berpendirian tegas semasa menghadapi karenah pendidikan anak-anak, mereka juga tidak bertindak secara konsisten terhadap masalah keciciran anak-anak dalam kehadiran harian ke sekolah.

Aktiviti Ketika Ponteng

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar Orang asli membantu ibu bapa tidak mengira waktu. Ibu bapa melakukan pekerjaan ini dengan dibantu oleh anak-anak. Pelajar Orang Asli antara insan yang rajin melakukan pelbagai kerja dan rutin harian keluarga bagi menyara kehidupan, tetapi bukan dalam hal berkaitan pelajaran. Dalam kajian ini, didapati banyak aktiviti yang mereka telah lakukan secara individu mahupun dalam kumpulan. Menyedari keadaan hidup keluarga yang miskin, pelajar Orang Asli tidak lokek menghulurkan bantuan

berupa tenaga fizikal bagi meringankan beban yang ditanggung oleh ibu bapa mereka. Memungut buah sawit, menanam sayur, menoreh dan mengutip susu getah adalah bentuk bantuan yang pelajar Orang Asli ini sumbangkan kepada keluarganya. Selain itu ada juga yang bekerja secara sampingan contohnya kontrak potong rumput di sekolah-sekolah berdekatan. Halilah et al. (2013) melaporkan bahawa anak-anak Orang Asli keturunan Semelai rajin membantu keluarga mereka dalam melakukan kerja-kerja harian. Ibu bapa memerlukan pertolongan anak-anak bagi menyiapkan kerja-kerja sara diri misalnya memungut rotan dan buah petai. Ibu bapa atau penjaga kurang prihatin sama ada anak-anak itu bersekolah atau tidak pada hari mereka membantu keluarga kerana mereka masih bergantung kepada pertanian dan hutan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Kajian Haliza (2018) juga menemukan hal yang sama iaitu anak-anak orang Asli yang berhenti sekolah rendah dan menengah sering melakukan kegiatan menjalin hubungan dengan alam sekitar. Rasa seronok, ikatan kekeluargaan yang erat dan pengalaman berharga dikongsi bersama. Wang segera yang di peroleh daripada jualan hasil hutan pula digunakan untuk membeli keperluan harian. Para pendidik bersetuju bahawa pengajaran bukanlah satu arah aliran pengetahuan dari seorang guru kepada pelajar. Ia melibatkan interaksi antara guru dan pelajar, interaksi dengan bahan pengajaran dan kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif yang ditetapkan (Ramle et al., 2013; Ahmad et al., 2013).

Aspirasi Budaya Belajar (Perspektif Pelajar Ponteng)

Hasil temubual dengan para peserta kajian, majoriti mereka memberitahu pendidikan berbentuk kemahiran teknikal lebih diminati berbanding pendidikan berfokuskan pengetahuan tinggi. Harapan Tok Batin, ibu bapa dan pelajar Orang Asli sendiri terhadap bidang pendidikan diterjemahkan kepada perlunya mendapat pendidikan teknikal bagi memperoleh sebarang pekerjaan bersesuaian dengan kemahiran yang dimiliki mereka nanti. Semua pelajar Orang Asli dalam kajian ini mengharapkan dapat memasuki kursus kemahiran sedia ada yang disediakan oleh kerajaan seperti Giat MARA, Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan (ILKBS), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Sedar atau tidak, walaupun ibu bapa dan pelajar Orang Asli ini berminat memahirkan diri dalam beberapa bidang

kemahiran, syarat umum untuk memasuki pusat latihan berkenaan hendaklah diketahui terlebih dahulu. Misalnya untuk menyertai kursus di pusat Giat MARA, syarat minimum ialah calon dikehendaki sekurang-kurangnya menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Manakala syarat umum kelayakan permohonan ke Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan (ILKBS) pula termasuklah boleh membaca dan menulis. Kelayakan memohon untuk mengikuti latihan dan kursus di ILP pula pemohon mestilah sekurang-kurangnya lulus SPM (ILPKB 2017). Jika syarat umum tidak dipenuhi, bagaimana pelajar ini boleh melanjutkan pembelajaran dalam bidang kemahiran yang dikehendaki. Penegasan di sini, bentuk pendidikan yang bertunjangkan kemahiran teknikal dan vokasional memang bersesuaian dengan pelajar Orang Asli. Pelajar Orang Asli memang mempunyai minat mendalam terhadap aktiviti luar berkaitan alam sekitar dan teknikal (aspek psikomotor).

SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini selari dengan teori Faktor Tolak-tarik (Lee, 1966) yang menunjukkan wujud senario tolakan dan tarikan di sekolah yang menjadikan isu ketidakhadiran pelajar orang Asli di sekolah masih berterusan. Sumbangan utama kajian ini kepada teori adalah dengan memperincikan faktor-faktor tolakan (*pushing factor*) yang merangkumi suasana kehidupan di sekolah yang tidak menarik minat pelajar, sebaliknya wujud tarikan yang kuat (*pulling factor*) untuk pelajar berada dalam komuniti mereka. Kontradiksi di antara dua persekitaran sosial ini merupakan faktor utama yang membuatkan yang membuatkan masalah ponteng/ketidakhadiran sukar diselesaikan.

Berdasarkan keadaan itu, adalah amat penting bagi proses menambah baik kurikulum untuk pendidikan Orang Asli bagi memastikan kehidupan sekolah adalah relevan dan mempunyai elemen budaya pribumi untuk menjadikan sekolah sebagai tempat yang menarik minat mereka.

KESIMPULAN

Dunia hutan dan rimba yang sebati bagi komuniti Orang Asli merupakan faktor tarikan menyumbang kepada pelajar Orang Asli untuk ponteng sekolah. Ekologi sosial di luar sekolah ternyata menarik minat mereka

untuk berada dalam komuniti hutan dan rimba berbanding kehidupan di sekolah. Suasana pembelajaran di sekolah menjadi faktor tolakan sebaliknya kehidupan luar sekolah menjadi faktor tarikan kepada muruid yang kerap ponteng sekolah. Faktor tolak-tarik ini menjadi konflik peranan antara guru (yang menginginkan pelajar hadir ke sekolah) dan peranan ibu bapa (yang menyedari peri pentingnya pendidikan tetapi bersikap tidak peduli kepada komitmen belajar anak-anak). Kewujudan dua arah bertentangan memberi ruang kepada pelajar untuk memilih susana yang lebih menyeronokkan mereka. Biarpun mereka sedar bahawa pendidikan membawa mereka kepada kemajuan, komitmen untuk bersekolah masih menjadi isu. Kesemua aspirasi budaya pembelajaran yang diinginkan oleh pelajar Orang Asli sebenarnya telah pun disediakan kerajaan. Namun, kurikulum yang benar-benar serasi dengan kehidupan Orang Asli mungkin perlu dijadikan titik tolak untuk menarik minat pelajar Orang Asli ke sekolah.

PENGHARGAAN

Tiada konflik kepentingan dalam menyiapkan laporan penyelidikan ini. Penghargaan kepada Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia di atas tajaan penyelidikan ini (GG-2020-008 Tabung Ko-kurikulum).

RUJUKAN

Abdull Sukur Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali, Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-Kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ) 59*, 12-22.

Ahmad, A. R., & Awang, M. M. (2016). Culturally responsive pedagogy: Socio-educational support and community engagement for educational development of Aboriginal students. *New Educational Review 43*(1), 157-166.

Ahmad, A. R., Rahman, A. Z. A., Awang, M. M., & Chew, F. P. (2018). Influencing factors of ethnic tolerance among multiethnic youths. Issues and Trends in Interdisciplinary Behavior and Social Science - *Proceedings of the 6th International Congress on Interdisciplinary Behavior and Social Sciences*, ICIBSoS

2017. Gaol, F. L., Hutagalung, F. & Chew, F. P. (eds.). CRC Press/Balkema, 89-96.

Ahmad, A. R., Salleh, M. J., Awang, M. M. & Mohamad, N. A. (2013). Investigating best practice and effectiveness of leadership wisdom among principals of excellent secondary school Malaysia: Perceptions of senior assistants. *International Education Studies*, *6*(8), 38-46.

Akinyode, B. F. (2018). Step by step approach for qualitative data analysis. *International Journal of Built Environment and Sustainability, 5*(3), 163-174. doi: 10.11113/ijbes.v5.n3.267

Attride-Stirling, J. (2001). Thematic networks: An analytic tool for qualitative research. *Qualitative Research, 1*(3), 385-405.

Awang, M. M., Ahmad, A. R., Bakar, N. A., Ghani, S. A., Yunus, A. N. M., Ibrahim, M. A. H., Ramalu, J. C., Saad, C. P., & Rahman, M. J. A. (2013). Students' attitudes and their academic performance in nationhood education. *International Education Studies*, *6*(11), 21-28.

Awang, M. M., Mahmud, Z., Amat, S., Mahmud, M. I., Baharudin, H., Bakar, A. Y. A., Alias, A., Ali, K. S. K, Kari, D. N. P. M, Ahmad, A. R., & Ehwan, N. F. M. (2019). Refining indicators for measuring social capital index. *International Journal of Innovation, Creativity and Change, 7*(11), 64-79.

Awang, M. M., Snape, D. J., & Barber, T. (2019). A systematic review of theoretical foundations for pedagogical strategies to promote positive behavior. *New Educational Review*, *58*, 133-143.

Bernama. (2019, 24 September). KPM tubuh jawatankuasa khas pendidikan Orang Asli: Maszlee. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/49173/BERITA/Nasional/KPM-tubuh-jawatankuasa-khas-pendidikan-orang-asli-Maszlee

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology, 3*(2). 77-101. doi:10.1191/1478088706qp063oa

Castillo-Montoya, M. (2016). Preparing for interview research: The interview protocol refinement framework. *The Qualitative Report*, *21*(5), 811-831. https://doi.org/10.46743/2160-3715/2016.2337

Centre for Disease Control and Prevention CDC. (2013). *Good Evaluation Questions: Checklist to Help Focus Your Evaluation*. USA: Department of Health & Human Services

Christina, A., Rosmiza Mohd Zainol, Wong, H. C., & Rohana Hamzah. (2019). Minat pelajar pencapaian rendah terhadap pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 156-170.

Denzin, N. K. (1973). *The research Act: A theoretical introduction to sociological methods*. New Jersey: Transaction Publishers.

Halilah Hamid, Ashrulkhadi Abu Samah & Norsida Man. (2013). The level of perceptions toward agriculture land development programme among Orang Asli in Pahang, Malaysia. *Asian Social Science, 9*(10), 151 – 159.

Haliza Abdul Rahman. (2018). Worldview Masyarakat Orang Asli dan Pelestarian Alam Sekitar. *Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam* Melayu

Howard, J., Jeffery, J., Walters, L., & Barton, E. (2020). Rural Aboriginal high school students' views of their future tertiary education. *The Australian Journal of Indigenous Education,* 1-10. doi.: https://doi.org/10.1017/jie.2020.32

Irma Yanti Mahamud, Norlizah Che Hassan & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2018). Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar sekolah agama bantuan kerajaan (Sabk). *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, *5*(1), 42-62.

Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2020, Oktober). https://jakoa.gov.my/

Kamarudin Abu Hassan, Abdul Salam Mohamed Ibrahim, Senin Khamis, Azizah Maamor, Rusitah Mohamed, Norlaila Mohammad, Jailani Haji Hashim & Noor Aishah Aziz. (2019). Kajian pendidikan anak-anak Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Cherana Puteh, Melaka. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies, 2* (Special Issues), 1-17. https://static.s123-cdn-static-d.com/uploads/1759562/normal_5f800b14d6129.pdf

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Info media menjana maklumat pendidikan*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Edisi Mac-April

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Laporan Tahunan 2018 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. Diakses pada Oktober 2020 di https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-danstatistik/2615-laporan-tahunan-2018-bpsh/file

Lee, E. (1966). A theory of migration. *Demography, 3*(1), 47-57.

Leech, N. L., & Onwuegbuzie, A. J. (2008). Qualitative data analysis: A compendium of techniques and a framework for selection for school psychology research and beyond. *School Psychology Quarterly, 23*(4), 587–604. https://doi.org/10.1037/1045-3830.23.4.587

Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu

tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space, 10*(2), 189-198.

Nazariyah Sani. (2014). Merapatkan jurang literasi pelajar-pelajar Orang Asli: Apa cabarannya? *Jurnal Personalia Pelajar, 17*, 19-30.

Norwaliza Abdul Wahab, Ramlee Mustapha & Jasmi Abu Talib. (2016). Membangun modal insan: Kajian peranan dan penentu matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kuantan, Pahang. *Georafia Online TM Malaysian: Journal of Society and Space, 12*, 1-10.

Nur Bahiyah Abdul Wahab, Maryati Mohamed, Azman Hassana & Mohd. Najib Haron. (2013). Penerapan elemen Sekolah Rimba Malaysia dalam kalangan pelajar Orang Asli. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*.

Paiz Hasssan & Mohd Anuar Ramli. (2020). Isolasi sosio-budaya masyarakat Orang Asli di Malaysia dan kesannya terhadap pentafsiran hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research, 21*(1), 1-20. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol21no1.304

Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). Sage Publications, California: Thousand Oaks.

Ramle Abdullah, Wan Hasmah Wan Mamat, W. A. Amir Zal & Asmawi Mohamad Ibrahim. (2013). Teaching and Learning Problems of the Orang Asli Education: Students' Perspective. *Asian Social Science*. *9*(12): 118 – 124.

Wan Afizi Wan Hanafi. (2014). Faktor Budaya dan Persekitaran dalam Prestasi Pendidikan Anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Journal of Society and Space*, Vol. 10. Isu 5. Hlmn. 107 - 122.

William-Hunt, A. (1998). Orang Asli dan Cabaran Pembangunan. *Kertas Kadangkala Bil. 8*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Yin, R. K. (2009). *Case Study Research: Design and methods (4th Ed.)*. California: Sage Publications.